

Anwar perlu kekal PM demi kestabilan negara

- Rafizi

UTUSAN MALAYSIA

20 JUL 2025

PETALING JAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim perlu kekal sebagai Perdana Menteri sehingga tamat penggal bagi menjamin kestabilan politik negara dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa.

Bekas Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Mohd. Rafizi Ramli berkata, sebarang pertukaran kerajaan ketika ini boleh menjejaskan usaha untuk menangani ketidakpastian ekonomi termasuk unjuran pertumbuhan yang semakin perlahan di seluruh rantau ASEAN.

“Kita tak boleh tukar kerajaan sekarang kerana kita sedang berdepan cabaran ekonomi serius,” katanya menerusi audio siar Yang Berhenti Menteri semalam.

Ahli Parlimen Pandan itu berkata, negara-negara seperti Indonesia, Thailand, Vietnam, Singapura dan Filipina diramalkan mengalami penurunan kadar pertumbuhan antara dua hingga tiga peratus.

Jika Malaysia turut mencatat pertumbuhan serendah tiga peratus atau kurang, ia boleh membawa risiko besar kepada kestabilan ekonomi dan sosial negara dalam tempoh satu hingga dua tahun akan datang.